



**BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN  
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**PERATURAN DALAMAN BAYARAN SAGUHATI KEPADA  
PENSYARAH/PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN**

1. Peraturan mengenai kadar-kadar dan syarat-syarat bayaran saguhati kepada pensyarah/penceramah dan fasilitator sambilan dari kalangan **anggota perkhidmatan awam** bagi kursus/bengkel/majlis rasmi yang dianjurkan oleh Jabatan/Bahagian adalah sebagaimana ditetapkan dalam **perenggan 2.1, 1PP WP 1.8/2013**.
2. Manakala kadar dan syarat bayaran pensyarah/penceramah sambilan bagi pengendali kursus dan latihan dari syarikat swasta/individu bukan kakitangan awam adalah berdasarkan **perenggan 16 (g), 1PP PK 2/2013**. Pensyarah/penceramah bukan kakitangan awam **hanya dibayar saguhati sebagai pensyarah/penceramah sahaja** dan tidak layak dibayar sebagai fasilitator
3. Sementara bayaran saguhati pensyarah/penceramah bagi **pesara Kerajaan** yang dijemput sebagai pensyarah/penceramah sambilan pula hendaklah mengikut kadar syarikat swasta/individu bukan kakitangan awam berdasarkan **perenggan 16 (g), 1PP PK 2/2013** dan surat Kementerian Kewangan rujukan KK/BP 108/79/6-1 Jld. 6(56) bertarikh **28 Disember 2006**.
  - (a) Kadar kelayakan pensyarah/penceramah dan fasilitator sambilan dari kalangan **anggota perkhidmatan awam yang memberi ceramah atau menjadi fasilitator secara sambilan selaras dengan 1PP WP 1.8/2013**;

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar bayaran Saguhati		Had Maksimum Bulanan
	Pensyarah/ Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300.00 sejam	RM100.00 sejam	Tidak melebihi $\frac{1}{2}$ daripada gaji bulanan pegawai
Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 53 & 54	RM200.00 sejam	RM100.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 45 & 52	RM150.00 sejam	RM90.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 & 44	RM120.00 sejam	RM80.00 sejam	
Kumpulan Sokongan	RM80.00 sejam	RM60.00 sejam	

- (b) Kadar bayaran penceramah berdasarkan kelayakan akademik bagi individu bukan kakitangan Kerajaan (swasta dan pesara Kerajaan) selaras dengan **1PP PK 2/2013** dan **surat Kementerian Kewangan rujukan KK/BP 108/79/6-1 Jld. 6(56)** bertarikh **28 Disember 2006 (Pengesahan Kadar Bayaran Penceramah Sambilan Bagi Pesara)** ; dan

Kadar Asas Mengikut Kelayakan Akademik			
Diploma/Sijil	Sarjana Muda	Sarjana	Ph.D
RM100.00 sejam	RM200.00 sejam	RM300.00 sejam	RM400.00 sejam

- (c) Pensyarah/Penceramah yang mempunyai pengalaman atau kepakaran khusus sama ada dalam atau luar negara, bayaran elauan ex-gratia tambahan tidak melebihi 20% dari kadar di atas boleh diluluskan oleh jawatankuasa/panel yang bertanggungjawab ke atas hal-hal latihan di Kementerian (Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Kementerian) selaras dengan **perenggan 16 (h), 1PP PK 2/2013**.

4. Pengajur/urus setia kursus adalah bertanggungjawab dalam **memastikan semua dokumen sokongan serta borang-borang** yang berkaitan dikemukakan kepada Bahagian Kewangan dan Perolehan bagi tujuan bayaran. Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan semasa membuat tuntutan adalah seperti berikut:
- (i) **Surat Jemputan** daripada pengajur/urus setia kepada pegawai/pesara Kerajaan/individu berkenaan;
  - (ii) **Jadual Program** dan maklumat berkaitan ceramah yang ditetapkan untuk pegawai/pesara Kerajaan/individu berkenaan;
  - (iii) **Sijil Akademik tertinggi** bagi penceramah swasta dan pesara Kerajaan atau **Surat Perakuan kelayakan akademik** oleh Pengajur;
  - (iv) **Lampiran “A”** – Maklumat-Maklumat Yang Perlu Diisikan Bagi Kakitangan Yang Menuntut Elaun Perkhidmatan Latihan Kakitangan/Pensyarah/Penceramah;
  - (v) **Lampiran “B”** - Tuntutan Bayaran Saguhati Sebagai Pensyarah / Penceramah dan Fasilitator Sambilan; dan
  - (vi) **Salinan Kad Pengenalan dan Penyata Bank** (Bagi Permohonan Pertama Yang Dibuat Kepada KPKT)
5. Bagi pensyarah/penceramah swasta dan pesara Kerajaan, Pengajur/urus setia adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan **salinan sijil akademik tertinggi** penceramah bagi tujuan bayaran. Sekiranya dokumen tersebut tidak dapat diperolehi, Pengajur hendaklah membuat **pengesahan kelayakan akademik dan kadar bayaran penceramah** selaras dengan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa.

6. Penganjur/urus setia juga bertanggungjawab **memastikan peruntukan kewangan Jabatan/Bahagian adalah mencukupi** bagi membiayai bayaran kepada pensyarah/penceramah dan fasilitator sambilan ini. Oleh itu, **Perakuan Baki Peruntukan** di Bahagian III, Lampiran B hendaklah dilengkapkan oleh Penganjur,
7. Bagi tujuan pelaksanaan di KPKT, **pindaan** telah dibuat ke atas **Lampiran "B"** selaras dengan pindaan 1PP dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

Disediakan Oleh;

Unit Kewangan Mengurus

Bahagian Kewangan dan Perolehan

14 Januari 2015